

**UCAPAN Y.BHG. DATO' MADINAH MOHAMAD  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
DI MAJLIS PERASMIAN NICE 2009  
PADA 29 OKTOBER 2009 (KHAMIS), 2.30 PETANG  
DEWAN TUN HUSSEIN ONN  
DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)**

---

**Y. B. DATUK SERI DR. MAXIMUS ONGKILI,  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**Y.B. TUAN HAJI FADILLAH YUSOF  
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**Y.BHG. PROF. DATIN PADUKA DR. KHATIJAH MOHD. YUSOFF  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SAINS), MOSTI**

**Y.BHG. DATO' DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD,  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR), MOSTI  
MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Induk NICE**

**DIF-DIF JEMPUTAN, Y. BHG. DATO'/DATIN/TUAN-TUAN DAN  
PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN**

**ASSALAMUALAIKUM  
SALAM 1MALAYSIA DAN SALAM 1MOSTI**

**TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH  
KEPADA Y.B. MENTERI DAN Y.B. TIMBALAN MENTERI SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI KERANA SUDI MELUANGKAN MASA  
UNTUK HADIR KE MAJLIS PERASMIAN *NATIONAL INNOVATION  
CONFERENCE AND EXHIBITION* (NICE) YANG AMAT  
BERMAKNA INI. SAYA JUGA MENGUCAPKAN TAHNIAH  
KEPADA JAWATANKUASA INDUK NICE 2009 YANG  
DIPENGERUSIKAN OLEH Y.BHG DATO' DR. SHARIFAH ZARAH  
SYED AHMAD, IAITU TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA DASAR**

**MOSTI SERTA AHLI-AHLI JAWATANKUASANYA YANG TELAH BEKERJA KERAS UNTUK MENJAYAKAN MAJLIS INI.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

**NICE 2009 TELAH MEMASUKI TAHUN KEEMPAT DI MANA TAHUN 2006 MERUPAKAN PENGANJURAN PERTAMANYA. PROGRAM NICE PADA TAHUN INI AKAN DIADAKAN SELAMA 3 HARI BERMULA PADA HARI INI SEHINGGA 31 OKTOBER 2009. SEPERTI MANA TERTERA DI DALAM BUKU PROGRAM YANG DISEDIAKAN, PELBAGAI AKTIVITI INOVASI YANG MENARIK TELAH DISEDIAKAN UNTUK SEMUA GOLONGAN MASYARAKAT, BAIK KANAK-KANAK TADIKA, PELAJAR SEKOLAH, BELIA, OKU, WANITA, PENJAWAT AWAM, GOLONGAN PENYELIDIK HINGGA KE GOLONGAN PROFESIONAL. SAYA BERHARAP PARA HADIRIN SEKALIAN AKAN MENGGUNAKAN PELUANG INI UNTUK TERLIBAT SAMA DI DALAM AKTIVITI-AKTIVITI YANG DISEDIAKAN SERTA MENGALAKKAN ANGGOTA MASING-MASING DI PEJABAT UNTUK MENGUNJUNGI NICE 2009 SUPAYA MINDA MEREKA AKAN LEBIH TERBUKA TERHADAP IDEA KREATIF YANG BOLEH DIJANAKAN OLEH INDIVIDU ITU SENDIRI.**

**ANTARA AKTIVITI YANG SEDANG DAN AKAN DIADAKAN DALAM TEMPOH TIGA HARI INI IALAH PERSIDANGAN NICE DI MANA TIGA CERAMAH KHAS AKAN DIADAKAN SELEPAS PERASMIAN NICE OLEH YB MENTERI PADA HARI INI, YANG MANA AMAT RELEVAN KEPADA PARA PENYELIDIK BAGI**

**MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN MEREKA DI DALAM R&D; BAGAIMANA MENDAPATKAN SUMBER DANA UNTUK R&D, PENILAIAN TEKNOLOGI DAN PENGKOMERSILAN HASIL R&D MEREKA. PERSIDANGAN INI AKAN BERSAMBUNG PADA ESOK HARI DENGAN 5 LAGI CERAMAH YANG MENSASARKAN GOLONGAN AKAR UMBI KHUSUSNYA UNTUK ORANG AWAM, WANITA, PELAJAR SEKOLAH, BELIA DAN OKU DI MANA PAKAR-PAKAR INOVASI DAN MOTIVASI AKAN MEMBUKA MINDA MEREKA SUPAYA BERFIKIR DI LUAR KOTAK (*THINK OUT OF THE BOX*) SERTA BERFIKIRAN KREATIF SERTA KRITIKAL.**

**KITA JUGA MENYEDIAKAN SEBANYAK 6 BENGKEL YANG BERBENTUK *HANDS-ON* UNTUK MENINGKATKAN LAGI KEMAHIRAN PARA PESERTA BAIK PARA PENYELIDIK, PENJAWAT AWAM DAN KUMPULAN AKAR UMBI SELAIN DARI ASPEK TEORI.**

**DALAM USAHA MENGGOMERSILKAN TEKNOLOGI ATAU PRODUK YANG DIHASILKAN, TECHNOMART MALAYSIA ATAU '*BUSINESS MATCHING*' JUGA AKAN DIADAKAN DENGAN KERJASAMA MIGHT, *TECHNOLOGY PARK MALAYSIA (TPM)*, *MALAYSIA TECHNOLOGY DEVELOPMENT CORPORATION (MTDC)* DAN KUMPULAN MODAL TEROKA, DI MANA KITA AKAN BERUSAHA MEMADANKAN PENCIPTA R&D TEMPATAN DENGAN PIHAK INDUSTRI SUPAYA PRODUK MEREKA DAPAT DIKOMERSILKAN.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,**

**SATU LAGI MAJLIS PENTING YANG AKAN DIADAKAN IALAH ANUGERAH INOVASI NEGARA PADA 31 OKTOBER 2009 DAN AKAN DIRASMIKAN OLEH Y.B DATUK SERI DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI, MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI. MAJLIS INI AMAT DINANTI-NANTIKAN OLEH SEMUA PIHAK KERANA BUAT PERTAMA KALI ANUGERAH INI MELIBATKAN KUMPULAN BELIA IAITU BAGI KATEGORI PEREKA MUDA, KUMPULAN WANITA DAN JUGA OKU. PARA HADIRIN SEKALIAN ADALAH DIJEMPUT UNTUK MENGHADIRI MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH INI YANG AKAN DIADAKAN PADA 31 OKTOBER JAM 2.30 PETANG DI DEWAN INI JUGA.**

**PAMERAN NICE PADA KALI INI, DIADAKAN SECARA SKALA BESAR DI MANA SELAIN DARI PENYERTAAN OLEH FINALIS ANUGERAH INOVASI NEGARA, KITA JUGA MEMBERI PELUANG KEPADA KUMPULAN AKAR UMBI ATAU INDIVIDU TERMASUK DUA PEREKA MUDA YANG MERUPAKAN ADIK BERADIK BERUMUR 13 TAHUN DAN 15 TAHUN DARI KELUARGA ENCIK BUGS TAN, IAITU SEORANG *INNOVATOR* TERKENAL. MEREKA AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN MEMPAMERKAN PRODUK-PRODUK INOVASI MEREKA SERTA KITA BERPELUANG MEMPELAJARI BAGAIMANA ANAK-ANAK GENERASI MUDA INI BOLEH MENJADI PENCIPTA MELALUI PEMBELAJARAN DAN SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH KEDUA-DUA IBUBAPA MEREKA. *INNOMARKET* JUGA DISEDIAKAN DI RUANG PAMERAN NICE DI MANA IANYA MEMBERI PELUANG KEPADA PEREKACIPTA TEMPATAN**

UNTUK MEMPERKENALKAN REKACIPTA MEREKA SERTA JUALAN PRODUK-PRODUK INOVASI KEPADA ORANG AWAM. SELAIN DARI ITU, MOSTI SENDIRI MELALUI LIMA KLASTER, AKAN MEMPAMERKAN PRODUK INOVASI R&D TERKINI UNTUK PARA PENGUNJUNG NICE.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

OLEH KERANA INOVASI MELIBATKAN PELBAGAI DISIPLIN, PAMERAN KREATIVITI DAN INOVASI MELALUI MUZIK JUGA AKAN DIADAKAN. KUMPULAN DARI ST. NICHOLAS HOME IAITU SATU PUSAT LATIHAN UNTUK ORANG CACAT PENGLIHATAN AKAN MENUNJUKKAN KREATIVITI MEREKA DI DALAM BIDANG MUZIK DENGAN MENGGUNAKAN BAHAN KITAR SEMULA. SEMENTARA ITU, PELAJAR SEKOLAH MENENGAH ST.JOHN AKAN MENUNJUKKAN KEPANDAIAN ROBOT MEMAINKAN ALAT MUZIK ANGKLUNG DAN CAKLEMPUNG MELALUI KECANGGIHAN SAINS DAN TEKNOLOGI.

MOSTI SELAKU KEMENTERIAN YANG MENJUARAI INOVASI (*CHAMPIONING INNOVATION*) SENTIASA MENJALANKAN PELBAGAI PROGRAM BERKAITAN INOVASI DALAM USAHA UNTUK MEMBERI PENGHAYATAN, MENGGALAK, MEMBANGUN DAN MEMBUDAYAKAN DAYA KREATIVITI DAN INOVASI KEPADA SEMUA LAPISAN MASYARAKAT. PENGHAYATAN KEPADA BUDAYA INOVASI DAN KREATIVITI INI DIHARAPKAN AKAN MEMBERI INSPIRASI DAN GALAKAN

**UNTUK LEBIH BERUSAHA MENIMBA ILMU PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN BERSEDIA UNTUK LEBIH PROAKTIF DALAM MENJANA IDEA-IDEA BARU. INI SETERUSNYA AKAN DITERJEMAHKAN MELALUI PENGHASILAN PRODUK-PRODUK INOVATIF BARU YANG MENARIK DAN BERDAYA SAING SERTA BOLEH MENYUMBANG KEPADA PENINGKATAN PENDAPATAN.**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PARA HADIRIN SEKALIAN,**

**AKHIR KATA, SAYA BERHARAP SUPAYA NICE 2009 AKAN MENCAPAI OBJEKTIFNYA DI DALAM MEWUJUD DAN MENINGKATKAN KESEDARAN MENGENAI KEPENTINGAN INOVASI SERTA MENGALAKKAN BUDAYA INOVASI DI DALAM SANUBARI RAKYAT MALAYSIA.**

**SEKIAN DAN TERIMA KASIH.**